

SILAT KEBANGSAAN/ Pertarungan Zakri, Ahmad Khusairi hebat

Selangor rebut dua gelaran

Oleh MOHD RAHIME YUSOF - 3 AUG 1988

SELANGOR memenangi dua gelaran — silat olahraga dan keseluruhan berpasukan — untuk menerima Piala Panglima dan Piala Pesaka, sementara Melaka memenangi Piala Laksamana selepas menjuarai silat seni di Kejuaraan Silat Kebangsaan, di Port Dickson, berakhir semalam.

Biarpun begitu, perhatian penonton lebih tertumpu kepada pertarungan Zakri Ibrahim-Ahmad Khusairi Ibrahim bagi Kelas D, yang dianggap perlawanan paling hebat peringkat akhir.

Zakri, pesilat Sukan SEA '89 yang juga pemenang pingat perak Sukan SEA Jakarta dan mewakili Gayong Malaysia, lebih banyak mengasak untuk menumpaskan pencabar dari Selangor itu.

Khusairi yang diasak bertubi-tubi melalui tumbukan dan tendangan akhirnya kehilangan haluan. Kegugupan dalam pertemuan 'buku dengan ruas' itu memberi kesempatan kepada Zakri membuat jatuhan.

Khusairi yang memenangi pingat emas di Sukan SEA lalu dalam Kelas C, kali ini bertanding Kelas D, tetapi gagal menyaingi kehebatan Zakri.

Bagaimanapun, anugerah *Pesilat Terbaik Kebangsaan '88* dimenangi oleh *Pesilat Terbaik Dunia*, Wan Aminuddin Baki Abu Bakar, yang mengekalkan kejuaraan Kelas G apabila menumpaskan pesilat tunggal bukan Melayu, M Rajaratnam dari Johor.

Asakan Rajaratnam turut menggugat keupayaan Wan Aminuddin, tetapi pengalaman menjadi kelebihan untuknya mengalahkan pesilat bukan Melayu itu.

Negeri Sembilan selaku tuan rumah, turut meraih kemenangan

KEPUTUSAN AKHIR:

LELAKI — Kelas A: 1 Ahmad Rafee Yaacob (Sel) 2 Mohd Basri Abdul Rahman (Kel); Kelas B: 1 Ahmad Wardi Salim (Mel) 2 Azmi Manaf (Ter); Kelas C: 1 Meor Badrul Hisham Kamaruzaman (NS) 2 Khairi Abdul Rahman (GM); Kelas D: 1 Zakri Ibrahim (GM) 2 Ahmad Khusairi Ibrahim (Sel); Kelas E: 1 Raut Abdullah (Sel) 2 Azahari Idris (Mel); Kelas F: 1 Rozaidi Abdul Rahman (Sel) 2 Wan Adnan Wan Isa (Kel); Kelas G: 1 Wan Aminuddin Baki (Sel) 2 M Rajaratnam (Joh); Kelas H: 1 Azam Abas (Kel) 2 Zulfakar Abdul Majid (Joh).

WANITA — Kelas A: 1 Normala Yaacob (GM) 2 Nazrah Latiff (Sel); Kelas B: 1 Wan Amizah Wan Ahmad (Kel) 2 Masliza Abu Bakar (GF); Kelas C: 1 Hamidah Mahat (NS) 2 Haslina Shahrudin (GF); Kelas D: 1 Rohana Manaf (Sel) 2 Siti Anida Mahadi (GF); Kelas E: 1 Zaleha Suradi (Sel) 2 Noor Anifah Abdul Rahim (NS).

- 3 AUG 1988

dengan dua pingat emas menerusi Meor Badrul Hisham Kamaruzaman (Kelas C) dan Hamidah Manaf (C), sementara Nor Anifah Abdul Rahim merangkul pingat perak Kelas E.

Normala Yaacob, pemenang pingat perak Kejuaraan Sedunia yang mewakili Gayong Malaysia, melunaskan 'hutang' kepada Nazrah Latiff, pesilat yang mengecewakannya di Kejuaraan Tertutup Selangor bulan lalu.

Seorang lagi pemenang pingat emas Sukan SEA, Ahmad Rafee Yaacob, nyaris menjadi mangsa pesilat Kelantan, Basri Abdul Rahman selepas juri memberi kemenangan 3-2 bagi mempertahankan juara Kelas A.

Kesempatan Rafee membaca kelemahan lawan dipusingan akhir

menyelamatkan kedudukannya selepas diasak hebat dalam dua pusingan awal.

Wan Amizah Wan Ahmad dan Azam Haji Abas menepati janjinya dengan merangkul pingat emas untuk Kelantan, sementara tiga pesilat lagi mendapat pingat perak. Wan Amizah mendapat kemenangan peruma daripada Mazliza Abu Bakar (Gayong Fatan) dan Azam menumpas rakan skuad kebangsaan, Zulfakar Abdul Majid dari Johor Kelas H.

B. Manan (W)